

| | | | |
|------------|-----------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | Kekangan jadi faktor projek lewat | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 17 Oct 2013 | Color | Full Color |
| Section | Mahkamah | Circulation | 60,000 |
| Page No | 21 | Readership | 180,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 145 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 798 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 2,393 |



Kekangan jadi faktor projek lewat

KUALALUMPUR - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menyifatkan beberapa kekangan yang dihadapi dalam pelaksanaan projek melibatkan pembangunan landskap menyebabkan berlaku kelewatan, seperti mana yang dilaporkan Ketua Audit Negara, baru-baru ini.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Ahmad Phesal Talib berkata, pihaknya telah pun membuat penjelasan kepada Audit Negara berhubung perkara itu,

Menurutnya, mengambil salah satu contoh taman rekreasi, iaitu Taman Kejiranan Air Panas, pihaknya berhadapan dengan isu pemindahan kuil yang mana memerlukan masa yang bersesuaian.

"Di ibu kota, DBKL menghadapi masalah kekangan isu penempatan, isu rumah ibadat dan isu mendapatkan kontraktor terbaik," katanya.

Mengulas lanjut, Ahmad Phesal berkata, sesuatu projek yang telah siap namun tidak dapat dinikmati warga kota juga disebabkan kekangan yang tidak dapat dielakkan namun pihaknya sentiasa mengambil inisiatif memastikan ia dapat diatasi.

Mengambil contoh Taman Dusun, katanya, DBKL menghadapi masalah tanah yang



AHMAD PHEMAL

tidak begitu baik kerana merupakan bekas timbusan dan sebagainya.

"Kita telah jelaskan kepada pihak Audit Negara bahawa pembelian ini memerlukan kos tinggi bagi proses mempercepatkan pertumbuhan.

"Namun sejak perjanjian persefahaman dimeterai bersama Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM),

mereka membantu kita untuk memastikan pokok dapat ditanam dengan sempurna melalui rawatan terhadap tanah," katanya.

Dalam laporan sebelum ini, empat daripada lima projek kemudahan rekreasi di sekitar ibu kota gagal disiapkan mengikut jadual asal meliputi Landskap Lembut (Softscape), Lanskap Kejur (Hardscape) dan bangunan.

Ia juga menyebut, bagi tempoh 2010 hingga 2012, sebanyak RM182.79 juta telah diperuntukkan bagi pengurusan projek kemudahan rekreasi dan hanya sejumlah RM123.32 juta atau 67.5 peratus dibelanjakan hingga Disember 2012.

Audit Negara juga mendapati prestasi fizikal empat daripada lima projek yang diaudit kurang memuaskan kerana gagal disiapkan mengikut jadual asal.